

Kita patut bangga warisi kepelbagaian makanan

Alisah Hassan,
Tanjung Malim

Malaysia mempunyai lebih daripada 70 kumpulan etnik dan bangsa yang setiap satunya mewarisi kepelbagaian budaya dan cita rasa makanan.

Hal ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang cukup unik.

Keunikan itu lebih menyerlah apabila menerusi kepelbagaian warisan makanan sedemikian ia menjadi pemangkin untuk mengeratkan perpaduan. Meskipun berbeza bangsa dan budaya, tetapi setiap seorang daripada rakyat Malaysia tentu saja tahu malah menikmati kelainan hidangan bangsa lain.

Setiap negeri di Malaysia mempunyai makanan berbeza. Sebagai contohnya, di Sabah, makanan tradisi kaum Kadazan Dusun ialah hinava dan tuhau. Makanan itu bukan sahaja dikenali di Sabah, malah diketahui hampir setiap rakyat Malaysia.

Selain itu, makanan tradisi daripada negeri Terengganu pula ialah nasi dagang yang turut menjadi sajian bagi masyarakat di negara ini.

Keharmonian di negara ini jelas dapat dilihat melalui warisan makanan yang mewakili setiap

negeri dan etnik. Penyajian makanan tradisi sebegitu bukan sahaja mampu diperolehi di negeri tertentu tetapi ia juga dapat dinikmati di negeri lain.

Malah, keunikan makanan di setiap negeri menjadi sebahagian tarikan pelancong yang juga dapat meningkatkan ekonomi negara, selain berupaya membantu mengekalkan perpaduan negara.

Warisan makanan tradisi juga dapat dilihat pada setiap perayaan, antaranya seperti sambutan Aidilfitri. Kebiasaannya, makanan tradisi yang dihidangkan pada perayaan itu termasuk lemak, ketupat, rendang, dodol, lodeh dan pelbagai makanan lain.

Makanan tradisi di Malaysia dapat dikelaskan kepada makanan harian, makanan semasa perayaan dan makanan yang terdapat pada musim atau bulan tertentu. Walaupun terdapat banyak perbezaan makanan tradisi antara setiap etnik, ia tidak menjadi batu penghalang kepada perpaduan di Malaysia.

Justeru, makanan tradisi di Malaysia perlu dipelihara dan diwariskan kepada generasi muda supaya tidak pupus ditelan zaman.